

10/03/1999

Kenyataan PM bukan ugutan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

TINGGAL dua hari lagi sebelum 726,690 pengundi berdaftar di Sabah memilih 48 daripada 199 calon yang bertanding pada pilihan raya ke sembilan Sabah, Jumaat dan Sabtu ini.

Tarikh berkenaan juga akan menjadi medan penentuan sama ada rakyat mahukan kesinambungan pemerintahan Barisan Nasional (BN) atau memilih pembangkang sebagai parti pemerintah untuk 2.4 juta rakyat negeri ini.

Dalam menentukan kemenangan, parti yang bertanding mengemukakan pelbagai hujah dan janji dalam kempen masing-masing, sehingga kadang-kala ia membabitkan isu sensitif seperti perkauman dan anti Kerajaan Pusat.

Salah satu perkara yang dijadikan isu menjelang hari terakhir berkempen ialah hak rakyat Sabah berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mohamad bahawa Kerajaan Pusat tidak akan menjalin kerjasama dengan pembangkang walaupun mereka memenangi pilihan raya ini.

Dr Mahathir juga berkali-kali menegaskan bahawa Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) - dua parti yang dijangka memberi cabaran kepada BN tidak akan diterima menyertai BN.

Berikutan itu, parti pembangkang, terutama Bersekutu yang dipimpin bekas Ketua Menteri Datuk Harris Salleh menggunakannya sebagai isu meraih simpati dalam percubaannya membuat kemunculan semula dalam arena politik negeri ini.

Harris dan Presiden PBS, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan berkongsi pendapat bahawa ia umpama satu ugutan atau percubaan menakut-nakutkan rakyat Sabah, sekali gus menafikan hak mereka sebagai rakyat Malaysia.

Pembangkang juga berpendapat keengganan Kerajaan Pusat bekerjasama dengan kerajaan pembangkang Negeri Sabah menafikan hak rakyat yang terkandung dalam Perlembagaan dan Perjanjian 20 Perkara yang dipersetujui ketika penubuhan Malaysia pada 1963.

Bagaimanapun, pemerhati politik di Sabah berpendapat kenyataan Dr Mahathir boleh ditafsirkan daripada pelbagai sudut mengikut kepentingan sesuatu pihak.

"Bagi pembangkang, ia adalah peluang mereka untuk menjadikannya sebagai isu, tetapi jika diteliti ia langsung tidak menggambarkan bahawa hak rakyat Sabah dinafikan," kata Pengarah Eksekutif Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS), Dr Mohd Yaakub Johari.

Menurutnya, ugutan tidak timbul sama sekali kerana hak rakyat Sabah sudah termaktub dalam perlembagaan dan perjanjian itu kecuali ada pihak yang sengaja membesar-besarkannya sebagai isu politik.

Bagi Dr Mohd Yaakub, kerjasama yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir ialah perkara yang tidak terkandung dalam perlembagaan dan dilaksanakan tanpa perlu merujuk perlembagaan atau perjanjian itu.

"Misalnya, penubuhan zon perdagangan bebas atau insentif kepada pelabur tidak ada dalam perlembagaan tetapi perlu ada kerjasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat bagi menjayakannya.

"Jika kedua-dua pihak dalam BN, ia boleh terus dilaksanakan kerana ia menjadi tanggungjawab bersama," katanya.

Bekas Ketua Menteri Datuk Mohd Salleh Said yang bersetuju dengan pandangan Dr Mohd Yaakub menyatakan bahawa adalah mustahil bagi Kerajaan Pusat mengabaikan hak rakyat Sabah.

Kerajaan Pusat sebenarnya menyalurkan bantuan dan sumbangan melebihi daripada hak rakyat Sabah yang termaktub dalam perjanjian itu.

"Justeru, dakwaan pembangkang kononnya Kerajaan Pusat menafikan hak

rakyat Sabah tidak timbul sama sekali.

"Pembangkang sebaliknya, menggunakan isu sensitif itu bagi mengelirukan pengundi supaya memihak kepada mereka," katanya.

Sesetengah pemerhati politik, termasuk penyokong BN juga hairan kenapa Perdana Menteri perlu membangkitkan perkara itu dalam lawatannya selama dua hari ke Sabah minggu lalu.

Pada mata kasar mereka ia mungkin menjejaskan peluang BN kali ini kerana pembangkang sentiasa cuba menanggung di air keruh dan mengambil kesempatan untuk mengelirukan rakyat.

Ia terbukti apabila Bersekutu menggunakannya sebagai salah satu isu utama sehingga bekas Timbalan Ketua Umno bahagian Tuaran, Ansari Abdullah yang menyertai pasukan Harris sehari sebelum penamaan calon minggu lalu memberitahu penyokongnya bahawa parti itu akan menyaman Kerajaan Pusat jika hak rakyat Sabah dinafikan.

Malah, ada yang membuat andaian lebih jauh dengan mendakwa kononnya kenyataan Dr Mahathir itu adalah gimik politik kerana sebenarnya BN ada membuat pakatan dengan pembangkang untuk menyertai BN selepas pilihan raya walaupun dinafikan sendiri oleh Perdana Menteri pada persidangan akhbar di akhir lawatannya itu.

Bagaimanapun, Dr Mohd Yaakub mempunyai jawapan kepada persoalan mengapa Dr Mahathir membuat kenyataan berkenaan.

Menurutnya, ia adalah strategi mengelakkan pengundi memilih PBS dan tidak memilih komponen BN - Parti Demokratik Sabah (PDS) serta Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) yang ditubuhkan selepas pemimpinnya keluar dari PBS dan menyertai BN, dua bulan selepas pilihan raya 1994.

"BN mungkin bimbang pengundi tidak komited terhadap PDS atau PBRS jika rakyat beranggapan PBS dan Bersekutu boleh diterima menyertai BN. Perdana Menteri juga perlu memberikan isyarat jelas, sekali gus mengelakkan keraguan di kalangan pengundi dan pe-nyokong," katanya.

Menurut Dr Mohd Yaakub, mesej Perdana Menteri kepada rakyat Sabah ialah jika mahukan kerjasama BN, mereka hanya perlu membuat keputusan untuk menyokong BN dan kenapa perlu bersusah payah memilih pembangkang.

(END)